

KL-Jakarta tingkat hubungan

BH-16/12/2006

Kedua-dua negara tumpu bidang kebudayaan, pendidikan, teknologi



JAKARTA: Malaysia dan Indonesia bersetuju meningkatkan lagi kerjasama sektor kebudayaan, pelancongan, pendidikan dan teknologi selain berusaha menangani masalah jerebu, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, persetujuan umum itu dicapai ketika perbincangannya dalam Naib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla di Istana Wakil Presiden, di sini semalam.

Katanya, kedua-dua negara bersetuju hubungan baik sudah terjalin tetapi akan berusaha memajukan lagi beberapa bidang baru untuk me-

“ Naib Presiden Indonesia juga bersetuju supaya visa pelajar Malaysia akan diberikan mengikut tempoh pengajian dan kemasukan berganda”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

ngeratkan lagi kerjasama Kuala Lumpur-Jakarta.

Beliau berkata, dalam bidang pendidikan, visa pelajar Malaysia yang sebelum ini hanya untuk setahun dan bukan kemasukan berganda, kini dilanjutkan kepada dua tahun.

"Contohnya, jika pelajar bidang perubatan akan diberi visa untuk tempoh lima tahun. Ini juga akan diamalkan Malaysia," katanya.

Timbalan Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Jakarta dan Bandung berkata demikian kepada media Malaysia selepas mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) Malaysia-Indonesia (Malindo), di sini semalam.

Najib yang juga Menteri Pertahanan, sebelum itu membuat kunjungan hormat ke atas Menteri Pertahanan Indonesia, Juwono Sudarsono yang juga Pengerusi Bersama GBC Malindo.

Katanya, turut dibincangkan dengan Jusuf ialah bidang kebudayaan dengan Indonesia komited memberi kerjasama kepada Malaysia membawa masuk filem tempatan ke negara itu.

"Dalam bidang kebudayaan, kita di pihak Malaysia sudah merangka pelbagai program, termasuk membawa masuk filem dari Malaysia ke sini. Hasil karya lagu kita sudah lama masuk, tetapi filem ada masalah," katanya.

Sementara itu, Mesyuarat GBC Malindo Ke-35, di sini semalam bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Kerjasama Polis (JPC) bagi menangani jenayah merentasi sempadan dengan lebih berkesan.

Dalam mesyuarat itu, Najib dan Ju-

wono bersetuju menyenaraikan pintu keluar masuk jalan darat yang lebih jelas di sempadan Malaysia Timur.

Turut dipersetujui usaha meningkatkan kerjasama maritim, terutama di Selat Melaka dari segi undang-undang dan peraturan mengelak insiden tidak diingini, terutama pence-

robohan perairan.

Najib berkata, penubuhan JPC tepat pada masanya kerana aktiviti jenayah merentasi sempadan akan menjadi isu mencabar pada masa depan.

"Walaupun ada kerjasama antara kedua-dua negara berhubung isu ini sekarang, ia boleh dipertingkatkan

lagi di bawah naungan GBC Malindo.

"JPC sudah mempunyai struktur formal dan akan memulakan pertemuan awal tahun depan. Ia akan diketuai Ketua Polis Negara kedua-dua pihak dengan bidang tugasnya di daratan manakala maritim membabitkan polis marin," katanya.